

Pengambilan bahan organik jamin kesihatan haiwan

KUALA LUMPUR 16 Mac - Penggunaan bahan organik yang bersifat vaksin, antibiotik dan kurang mengandungi campuran bahan kimia lebih menjamin keselamatan dan kesihatan haiwan ternakan seperti ayam kampung.

Yang Dipertua Persatuan Penternak Ayam Kampung Malaysia (PPAKM) Pahang, Yusri Rizal Yusof berkata, kaedah penggunaan bahan organik tersebut kepada ternakan boleh dilakukan melalui dua cara iaitu vokasi dan air.

Menurut beliau, dua cara itu diyakini mampu meningkatkan imunisasi haiwan serta tidak memberi risiko kepada pengguna.

“Kaedah ini boleh dilakukan dengan mencampurkan bahan organik ke dalam makanan, minuman dan digunakan sebagai semburan di sekitar kawasan ternakan bagi melindungi haiwan daripada ancaman bakteria.

“Dengan cara ini akan menjamin kualiti dan kesihatan ternakan yang ingin dipasarkan selain potensi haiwan tersebut menerima campuran bahan kimia adalah sangat minimum,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata, kaedah tersebut adalah berbeza dengan suntikan antibiotik yang perlu di-

hentikan seminggu sebelum tempoh penyembelihan disebabkan bahan kimia yang terkandung dikhuatiri memberi kesan kepada pengguna.

Semalam, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman mengulas penggunaan antibiotik secara tidak terkawal digunakan dalam bidang ternakan di peringkat antarabangsa.

Walau bagaimanapun Mohd. Yusof berkata, masih tiada sebarang kes membabitkan suntikan kepada ayam bagi tujuan mengelakkan penyakit dan mempercepat-

kan tumbesaran haiwan tersebut.

Mengulas lanjut Yusri Rizal berkata, jika terdapat penternak yang ingin menggunakan kaedah tersebut, mereka perlu mendapatkan khidmat nasihat daripada veterinar atau mana-mana badan bertanggungjawab bagi menjamin keselamatan pengguna.

“Walau bagaimanapun, mereka juga masih perlu menekankan aspek kebersihan di sekitar kawasan ternakan walaupun sudah memberi segala bentuk antibiotik bagi tujuan kesihatan haiwan dengan pengawasan minimum daripada pihak bertanggungjawab,” jelasnya.